

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan secara terperinci jumlah kos dan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah banjir yang berulang kali berlaku di Parlimen Teluk Intan untuk tahun 2019, 2020, 2021 serta di bawah RMK-12.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam RMKe-12 di bawah Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Perak Fasa 1, terdapat 2 projek iaitu Rancangan Tebatan Banjir Teluk Intan Fasa 2 dengan anggaran kos sebanyak RM 74.18 juta dan *Living River* - Kampung Batak Rabbit, Teluk Intan, Daerah Hilir Perak dengan kos sebanyak RM 27.38 juta.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui RTB Teluk Intan, Kerja-Kerja Tebatan Banjir Dari Kampung Terengganu ke TCG T10-j, Jalan Woo Saik Hong, telah disiapkan pada 18 April 2019 dengan kos kontrak RM51,141,673.72.
3. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang giat meneruskan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Intan Zon A Fasa 2 yang kini sedang di peringkat perancangan dan rekabentuk terperinci yang dijangka siap pada Oktober 2022. Projek ini merupakan projek sambungan yang telah diluluskan dalam RMKe-11.
4. Kerja Ukur Kejuruteraan dan Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah dijangka siap pada penghujung Oktober 2021. Berdasarkan tentatif perancangan JPS, projek ini akan diiklankan pada Disember 2022 setelah rekabentuk terperinci dan pengambilan tanah siap sepenuhnya.
5. Kementerian melalui JPS akan sentiasa memantau pelaksanaan projek ini dari masa ke semasa bagi memastikan projek ini berjalan sepertimana yang dirancang.
6. Selain itu, KASA melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management* - IRBM). Ia merupakan kaedah terbaik yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran, memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi, mengurangkan risiko banjir serta meningkatkan pemuliharaan alam sekitar. Melalui pelan IRBM ini, Kementerian telah

menyediakan cadangan menangani isu-isu strategik dalam lembangan untuk rujukan kerajaan negeri dalam merancang pembangunan agar selari dengan matlamat pemeliharaan kelestarian alam sekitar. Pelan IRBM Sg. Perak siap dilaksanakan pada tahun 2010 dan kajian semula Pelan IRBM Sg. Perak ini akan dilaksanakan di dalam RMKe-12.

7. Melalui Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir Pelbagai Negeri, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) memberi perhatian secara khusus mengenai isu pembersihan dan mengoptimumkan kapasiti saluran/sungai sebagai langkah mitigasi jangka pendek. Skop kerja yang terlibat di bawah program ini adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, menaik taraf dan menyelenggara aset/ struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir.

8. Di bawah program ini, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja kecil untuk mengurangkan risiko banjir di seluruh Negara. Daripada tahun 2019 sehingga 2021, sebanyak 41 projek telah dan akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Teluk Intan dengan keseluruhan peruntukan dengan perincian seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH PROJEK	PERBELANJAAN (RM)
1	2019	7	309,757.00
2	2020	24	1,542,479.00
3	2021	9	176,185.00
4	2021 (akan dilaksanakan di bawah PEMERKASA)	1	60,000.00
JUMLAH		41	2,088,421.00

Sekian, terima kasih.